

Kajian Keberkesanan Sistem *Easy Dynamic Electronic Stay Application* (Edesa) Di Pak Ngah Homestay

Kamarudin Ripin^{1*}

¹Department of Information and Communication Technology, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, 23000
Dungun, Terengganu.

*Corresponding author E-mail: kamarudin@psmza.edu.my

Abstrak

Homestay adalah merupakan kemudahan tempat tinggal yang digunakan untuk bersantai atau berekreasi seisi keluarga. Homestay pada masa kini menjadi pilihan kerana menawarkan percutian dengan harga yang rendah. Pada masa kini, dengan kecanggihan teknologi maklumat yang berkembang pesat, pemilik homestay telah menggunakannya untuk menarik lebih ramai pelawat dengan cara mempromosikannya di internet terutamanya media sosial. Melaluinya mereka telah menyediakan perkhidmatan tempahan dalam talian. Ini telah membuktikan bahawa homestay tempatan juga boleh menjadi lebih maju dengan menaik taraf sistem sedia ada kepada sistem baharu yang lebih mudah dan cekap selari dengan peredaran zaman. Sistem *easy dynamic electronic stay application* (Edesa) menggunakan metodologi air terjun. Model air terjun adalah pendekatan pembangunan berurutan, di mana pembangunan dilihat sebagai mengalir ke bawah (seperti air terjun) melalui fasa analisis keperluan, reka bentuk, pelaksanaan, pengujian (pengesahan), integrasi, dan penyelenggaraan. Oleh kerana tiada metodologi pembangunan perisian formal wujud pada masa itu, model berorientasikan perkakasan ini hanya disesuaikan untuk pembangunan perisian. Sistem ini boleh membantu pihak pengurusan menjalankan operasi dengan lebih sistematik dan cekap. Sistem ini akan menghasilkan sistem homestay atas talian melalui web dan peranti mudah alih. Sistem ini akan membantu pengguna memadam dan mengedit pada masa yang sama menggunakan peranti yang berbeza. Pelanggan akan dapat membuat tempahan dalam talian dan diterima oleh pihak pengurusan homestay. Proses dalam talian akan dapat memudahkan interaksi pengguna dan pentadbir homestay. Pengguna boleh menggunakan maklumat yang di paparkan pada paparan muka depan sebelum membuat tempahan. Pentadbir boleh menetapkan proses dalam menambah, memadam, mengemas kini, dan menyemak semula maklumat dalam sistem pangkalan data.

Kata Kunci: *easy dynamic electronic stay application*; homestay

1.0 PENGENALAN

Perkembangan teknologi maklumat ini telah banyak memberi impak kepada operasi dan pengurusan sektor awam dan juga swasta. Di awal 2014, perkembangan teknologi *mobile* semakin menular yang seterusnya telah menyebabkan pengurusan maklumat ke arah mobil teknologi telah ditingkatkan (Siti Ezaleila & Azizah, 2011). Jadi, tidak hairanlah sekiranya dapat kita lihat pada hari ini hampir setiap perniagaan akan menggunakan manfaat daripada perkembangan teknologi ini sebagai peluang untuk mereka memasarkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan dalam pasaran yang lebih besar. Trend ini secara tidak langsung turut mempengaruhi perniagaan dalam industri pelancongan yang merupakan salah satu daripada industri terbesar dan terpanas berkembang di dunia (Yusniza, 2007; Buhalis & Law, 2008).

Perkembangan ini sangatlah membantu dalam menyediakan informasi yang cepat dan efisien dengan pengaksesan internet melalui teknologi *mobile* tersebut. Walaupun *mobile* merupakan alatan yang kecil, dengan pengaksesan yang sangat terbatas, tetapi ia masih digunakan dengan optimalnya seperti diakses melalui komputer biasa. Proses penempahan di dalam talian dapat membantu semua pihak dalam memastikan proses tersebut dapat berjalan dengan cekap, tersusun dan efisien.

1.1 Pernyataan Masalah

Bagi setiap pemilik homestay, proses penempahan perkhidmatan homestay adalah kunci utama kejayaan sesebuah urusaniaga. Pada kebiasaannya, proses ini akan dimulakan dengan pelanggan membuat panggilan telefon untuk membuat penempahan. Selepas itu, pihak pengurusan homestay akan menyemak status homestay yang diinginkan pelanggan.

Terdapat beberapa masalah yang timbul dalam proses membuat penempahan secara telefon. Antara masalah yang timbul adalah peruntukkan masa yang banyak diperlukan untuk menyemak status permintaan pelanggan. Selain dari itu pelanggan juga terpaksa memperuntukkan jumlah kos tambahan, iaitu kos bil telefon. Kesibukkan talian telefon juga menjadi faktor kesukaran untuk proses ini berjalan lancar. Selain dari itu, peruntukkan staf dan talian telefon yang banyak juga di perlukan untuk menerima panggilan dan menyemak tempahan setiap pelanggan.

Proses penempahan secara manual ini akan banyak menggunakan kertas, kemungkinan berlaku pertindihan tempahan adalah sangat tinggi. Oleh yang demikian, ketelitian dan penyimpanan rekod yang cekap adalah sangat diperlukan. Selain dari itu staf yang kompeten dan efisien juga amat diperlukan untuk memastikan proses ini berjalan lancar.

1.2 Objektif Kajian


Bagi mencapai tujuan kajian, beberapa objektif telah ditetapkan seperti berikut:

- a. Melihat sejauh mana penerimaan pelanggan terhadap inovasi yang telah dilaksanakan.
- b. Mengkaji tahap kebolegunaan sistem yang telah dibangunkan
- c. Mengenalpasti kemampuan sistem ini dalam menyelesaikan masalah kaedah manual.

2.0 METODOLOGI

2.1 Metodologi Pembangunan Sistem

Metodologi yang digunakan dalam pembangunan Edesa adalah *Waterfall Model*. Fasa Perancangan, Fasa Analisis, Fasa Reka Bentuk, Fasa Pelaksanaan dan Fasa Sokongan merupakan lima fasa yang terkandung di dalam model ini (rujuk Rajah 1). Model ini digunakan kerana bersesuaian dengan masalah yang dikaji. Menurut (Ibrahim, 1999), model ini membantu memudahkan pengurusan pembangunan sistem perisian kerana permulaan dan tamatnya sesuatu fasa mempunyai struktur serta format tertentu dengan jelas.




Rajah 1: *Waterfall Model* (Shelly, 2008)

2.2 Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah kajian berbentuk soal selidik bertujuan untuk mengenalpasti persepsi penggunaan Edesa oleh pihak pengguna, dan menilai impak penggunaannya. Metodologi kajian terdiri daripada responden kajian, instrumen kajian dan prosedur kajian. Responden kajian terdiri daripada 41 orang pengguna. Instrumen kajian adalah merangkumi aspek kaji selidik penggunaan Edesa. Data yang diperolehi daripada kaji selidik di analisis untuk mendapatkan satu kesimpulan secara keseluruhan. Prosedur kajian yang digunakan pula adalah seperti di Rajah 2.

CARTA ALIR PROSES KAJIAN



Rajah 2: Prosedur tindakan

2.3 Analisis Kebolehpercayaan(reliability analysis)

Bagi tujuan ini, sejumlah 20 set soalan telah diedarkan kepada responden dalam kalangan pengguna secara rawak. Hasil daripada kajian rintis yang dijalankan, kebolehpercayaan soal selidik dianalisis dengan menggunakan analisis kebolehpercayaan Cronbach's Alpha dengan dapatan nilai kebolehpercayaan yang diperolehi ialah $\alpha = 0.893 (> 0.60)$. Dapatan nilai kebolehpercayaan ini telah membuktikan bahawa item bagi soal selidik ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan dalam kajian yang ingin dijalankan.

3.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Edesa merupakan sistem yang boleh diakses melalui telefon pintar. Aplikasi berkaitan masih belum didaftarkan di *Google Play Store* tetapi boleh dipasang menggunakan kaedah baca kod QR. Sistem ini melibatkan tiga pengguna utama iaitu pentadbir sistem yang merupakan pegawai di Pak Ngah Homestay, Kakitangan pak Ngah Homestay, dan juga Pengguna. Borang soal selidik di bahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Dalam bahagian A, ia mengandungi maklumat mengenai jantina responden. Manakala dalam bahagian B soal selidik dibina bagi mengetahui maklumat tentang tahap keberkesanan sistem Edesa.

3.1 Analisis Data Penggunaan Edesa

Jadual 1 menunjukkan hasil analisis data penggunaan Edesa dari aspek antaramuka sistem, fungsi serta kepentingan sistem oleh pengguna.

Jadual 1: Hasil analisis data penggunaan Edesa

Item	Skor Min	Tahap Kecenderungan
Aspek Teknikal		
1. Arahan pada skrin mudah difahami	4.60	Tinggi
2. Sistem Edesa ini mudah digunakan tanpa bantuan orang lain	4.60	Tinggi
3. Teks dalam sistem Edesa bebas dari kesalahan (Contoh: Ejaan, tatabahasa, tanda bacaan dll)	4.50	Tinggi
4. Tindak balas yang diberikan oleh sistem Edesa adalah cepat	4.35	Tinggi
5. Proses mendapatkan maklumat di dalam sistem jelas dan mudah difahami	3.80	Tinggi
SKOR MIN BAGI ASPEK TEKNIKAL	4.37	Tinggi
Aspek Antaramuka Pengguna		
6. Paparan skrin (layout) adalah menarik	4.60	Tinggi
7. Saiz huruf mudah dibaca	4.90	Tinggi
8. Grafik yang ditunjukkan dalam sistem adalah jelas dan memuaskan	4.60	Tinggi
9. Antaramuka serta arahan-arahan yang terdapat dalam sistem amat mesra pengguna	4.50	Tinggi
10. Keseluruhan Sistem Edesa ini adalah menarik	4.35	Tinggi
SKOR MIN BAGI ASPEK ANTARAMUKA PENGGUNA	4.59	Tinggi
Aspek Ketepatan data		
11. Laporan yang dijana melalui sistem Edesa adalah cepat dan mudah.	4.50	Tinggi
12. Laporan Analisis berkaitan yang dijana melalui sistem Edesa adalah tepat dan tanpa ralat	4.35	Tinggi

Item	Skor Min	Tahap Kecenderungan
13. Hasil carian yang dilakukan tepat dan maklumat disusun dalam keadaan yang sangat mudah.	4.5	Tinggi
14. Menaiktaraf dari kaedah tradisional kepada sistem amat membantu meringankan bebanan pegawai berkaitan pengurusan dan penyimpanan data di dalam pengurusan ini.	4.60	Tinggi
SKOR MIN BAGI ASPEK KETEPATAN DATA	4.49	Tinggi
Aspek Kebolehcapaian maklumat		
15. Pelanggan boleh mengemaskini data dengan mudah pada setiap masa	4.90	Tinggi
16. Saya selesa menggunakan sistem ini dan ianya mesra pengguna.	4.50	Tinggi
17. Semua maklumat berkaitan homestay/maklumat pelanggan/maklumat tempahan/di simpan secara berpusat di pangkalan data sistem Edesa sangat membantu pihak pengurusan.	4.45	Tinggi
18. Semua dokumen berkaitan boleh dimuatnaik/muatturun ke sistem/dari sistem dan tidak memerlukan ruang simpanan pejabat.	4.60	Tinggi
19. Data dalam sistem Edesa boleh dicapai dan dicetak pada bila-bila masa sahaja yang diperlukan.	4.60	Tinggi
SKOR MIN BAGI ASPEK KEBOLEHCAPAIAN MAKLUMAT	4.61	Tinggi
Skor Min Keseluruhan	4.52	Tinggi

Dapatan dari kajian ini mendapati bahawa skor min paling tinggi ialah untuk item ke-15 iaitu pelanggan boleh mengemaskini data dengan mudah pada setiap masa dengan catatan skor min sebanyak 4.90 manakala skor min terendah yang dicatatkan adalah pada item ke-5 iaitu Proses mendapatkan maklumat di dalam sistem jelas dan mudah difahami dengan skor min 3.80. Hal ini mungkin disebabkan pelanggan belum mahir berkaitan penggunaan sistem ini secara menyeluruh. Data dari jadual 1 diatas menunjukkan keempat-empat aspek yang dikaji mencatatkan skor min yang tinggi dan ini menunjukkan kewujudan sistem ini memberikan impak yang sangat positif di kalangan pelanggan.

Oleh itu, penghasilan sistem ini menyokong kepada pernyataan (Nurul Ulfa et al., 2011) bahawa pengurusan rekod adalah lebih cekap, pantas dan dapat memenuhi berbagai fungsi jika menggunakan aplikasi ICT.

4.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati kajian yang telah dijalankan ini telah dapat mencapai kedua-dua objektif yang dinyatakan pada awal kajian iaitu bagi mengetahui sejauh manakah penerimaan pelanggan terhadap inovasi yang telah dilaksanakan serta mengkaji tahap kebolegunaan sistem yang dibangunkan. Bagi objektif pertama kajian, iaitu penerimaan pelanggan terhadap sistem Edesa, dapatlah diketahui berdasarkan dapatan kajian, keseluruhan responden sangat menerima baik sistem Edesa dalam membantu pengurusan maklumat tempahan homestay. Rumusan ini dapat dibuat oleh pengkaji berdasarkan analisis peratus setuju bagi setiap item pernyataan yang diperolehi dalam kajian menunjukkan ianya berada pada julat peratusan yang tinggi iaitu di antara 80%-100%.

Objektif kedua kajian ini juga telah berjaya dicapai apabila keputusan pada analisis min keseluruhan setiap aspek yang dikaji telah menunjukkan min keseluruhan yang diperolehi ialah 4.52 dan berada pada tahap tinggi. Keputusan analisis ini telah menunjukkan dengan jelas bahawa tahap keberkesanan sistem Edesa berada pada tahap tinggi di kalangan pengguna. Melalui dapatan ini juga, dapatlah dirumuskan bahawa sistem Edesa telah memberi manfaat dan impak kepada responden dari segi pengurusan maklumat yang lebih cekap, tersusun dan efisien serta menjimatkan masa kerja yang perlu diperuntukkan berbanding sistem manual sebelumnya.

Dengan wujudnya sistem Edesa, banyak penambahbaikan yang dapat dilaksanakan dalam pengurusan rekod tempahan pelanggan di Pak Ngah Homestay. Penggunaan Sistem Edesa ini juga secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan penggunaan kertas. Ini sekaligus akan dapat menyokong kepada inisiatif kerajaan dalam mengamalkan Teknologi Hijau dalam bidang ICT (Sharifah Nurulhuda & Mohd Fauzi, 2012).

Secara keseluruhannya, responden memberi respon yang positif kepada sistem Edesa yang dibangunkan ini. Melalui sistem ini proses penempahan homestay oleh pelanggan adalah sangat mudah. Ini secara tidak langsung dapat membantu pihak-pihak lain yang terlibat untuk berkerja dengan lebih efisien. Secara keseluruhannya menunjukkan sistem ini berjaya menarik minat populasi sasaran iaitu hampir keseluruhan pengguna sasaran berpuas hati dengan sistem ini. Dengan menggunakan sistem ini, proses pengurusan maklumat menjadi lebih cekap, tersusun dan efisien. Dapat membantu pihak pengurusan mengurangkan kos penggunaan kertas. Melalui sistem ini juga penjimatan masa kerja yang perlu dilalui adalah sangat ketara jika di bandingkan dengan sistem manual.

5.0 PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyelidikan ini terutamanya kepada En Anuar Bin Zakaria selaku pengurus di Pak Ngah Homestay.

6.0 RUJUKAN

- Nurul Ulfa, A. A., Zawiyah, M. Y., & Umi Asma', M. (2011). Aplikasi ICT dalam Pengurusan Rekod : Kajian Kes dalam Jabatan Kerja. *Jurnal Teknologi Maklumat & Multimedia*, 10, 21–33.
- Sharifah Nurulhuda, T. M., & Mohd Fauzi, M. Y. (2012). Penggunaan Perisian Penilaian Kendiri (easy Quiz & easy Test) Dalam Inovasi P&P Autocad 3D Bagi Pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan). In *Seminar Penyelidikan dan Inovasi (PePIN) 2012* (pp. 1–9).
- Adnan, A. S., Ali, M., & Ahmad, R. (2015). The Utilisation of Visual Elements on Interface Design of e-learning. In *International Conference on Information Technology & Society* (pp. 273–279).
- Al-Mamary, Y. H., Shamsuddin, A., & Aziati, N. (2013). The Impact of Management Information Systems Adoption in Managerial Decision Making: *Management Information Systems*, 8(4), 010–017.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia. (n.d.). Retrieved August 8, 2017, from <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=teknikal>
- Fraenkel, J.R., and Wallen, N.E. 1996. *How to Design and Evaluate Research*. USA : Mc. Fraw-Hill Inc.
- Babu, K. V. S. N. J., & Sekhar, B. M. R. (2012). Mis. Vs. Dss in Decision Making. *Global Journal of Management and Business Research*, 12(16).
- Heidarkhani, A., Azad, A., Jahanbazi, Q., & Alipoor, H. (2013). The Role of Management Information Systems (MIS) in Decision-Making and Problems of its Implementation, 3(3), 78–89.
- Jasmi, K. A. (2012). Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian Kualitatif in Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Kamal Qteishat, M. (2014). The Impact of Information System Success Factors, Human Resource Staff Satisfaction, and E-Human Resource Use on Organizational Benefit. *International Journal of Computer Applications*, 105(2), 975–8887.
- Mohd Nur Hafiz Fauzi, Azman Hassan, Noorazman Abd Samad, Mohd Jalil Ahmad, S. H. (2016). Readiness Level Students in Electrical Engineering from the Aspect

Technical Skills on the Formation Workability at Polytechnic. *International Journal of Vocational Education and Training Research*, 2(5), 28.
<https://doi.org/10.11648/j.ijvetr.20160205.11>

Peham, T. (2017, June 02). 10 Web Design Trends You Can Expect in 2017! - Usersnap. Retrieved August 10, 2017, from <https://usersnap.com/blog/web-design-trends-2017/>